

Ibu tunggal terharu terima bantuan sekolah anak



Penerima bantuan bergambar bersama Yuserrie (tiga kiri, baju merah) selepas selesai membeli keperluan sekolah masing-masing.

SINAR HARIAN 30 DIS 2016 (CENTRAL) m/s 36

KUANTAN - "Saya sangat bersyukur kerana tiga daripada lima anak yang bersekolah terpilih terima bantuan sekolah daripada Universiti Malaysia Pahang (UMP). Dapatlah mereka merasa baju baru," demikian luah ibu tunggal, Lizawati Mustafa, 34, ketika ditemui pada Program Kembali Ke Sekolah yang diadakan di sini, semalam.

Ketiga-tiga anaknya, Mohd Khairul Shafiruddin Zulliazan, 14, Intan Maisarah, 12 dan Mohd Luqmanul Hakim, 9, menerima kelengkapan persekolahan bagi sesi persekolahan minggu hadapan.

Menurutnya, menjelang sesi persekolahan yang baharu, dia terpaksa menyediakan perbelanjaan yang banyak untuk keperluan

anak-anaknya.

"Pendapatan sebagai tukang cuci di sekolah tak seberapa tapi bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pusat Zakat banyak bantu meringankan perbelanjaan," katanya.

Lizawati berkata, kegembiraan jelas terpancar pada ketiga-tiga anaknya yang berpeluang memilih kasut sekolah sendiri.

"Saya berterima kasih kepada UMP yang banyak bantu saya dan anak-anak. Terharu te-

ngok mereka gembira," katanya.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, seramai 80 penerima terdiri anak yatim dan miskin terpilih pada program tersebut.



LIZAWATI